

UCAPAN YAB DATO HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI DAN PEMANGKU
PRESIDEN UMNO MALAYSIA, SEMASA
MERESMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN
UMNO BAHAGIAN SERI GADING,
BATU PAHAT, JOHOR, DI SEKOLAH -
MENENGAH TUN DR. ISMAIL, PADA HARI
SABTU 6HB. MEI, 1978, JAM 10.00 PAGI.

2. YAB Dato Tan Sri Haji Othman Saat,
Menteri Besar Johor dan
Ketua Perhubungan UMNO,
Negeri Johor, serta Puan Sri.
1. YB Datuk Haji Yusa'
Ketua UMNO, Bahagian Seri Gading.
3. Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Seri Gading.
- *
4. Para Perwakilan dan pemerhati.
5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

* Y.B. Dato Syed Zain

Ahli² yang Berhormat.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

Terlebih dahulu, saya mengucapkan
syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala,
kerana dapat saya hadir bersama-sama
di perjumpaan pagi ini, dan seterusnya

meresmikan mesyuarat perwakilan UMNO
Bahagian Seri Gading.

2. Sempena Mesyuarat yang penting ini,
marilah kita bersama-sama memohon doa restu
kehadrat Allah, meminta taufiq dan hidayahNYA,
mudah-mudahan mesyuarat perwakilan ini
dapat keredhaan daripadaNYA. Disamping itu,
dapat pula kita mencapai kejayaan dengan
mengambil ketetapan, yang boleh mendatangkan
faedah dan munafaat kepada masyarakat,
bangsa dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Izinkanlah saya menyatakan bagaimana syukur dan betapa terhutang budi saya kepada UMNO Seri Gading khasnya, dan kepada masyarakat di sini amnya, yang telah memberikan kepercayaan dan sokongan kepada saya menjadi Wakil Rakyat di kawasan ini. Saya faham, betapa tingginya harapan rakyat kepada saya, untuk berbakti dan berkhidmat kepada mereka. Saya juga tidak lupa kepada kewajipan saya, menunaikan tugas dan tanggungjawab saya ini.

4. Saya meminta maaf kerana tidak dapat menunaikan kewajipan saya sepenuhnya, sebagaimana yang dikehendaki. Saya percaya, rakyat tentu faham tentang kedudukan dan tanggungjawab saya yang lain, yang tidak mengizinkan saya datang kesini seberapa kerap yang saya hajatkan. Bagaimanapun, dengan berkat usaha serta perancangan YAB Menteri Besar, pegawai-pegawai Kerajaan, wakil-wakil peribadi, segala urusan mengenai kemajuan dan juga pembangunan di kawasan ini, telah dapat dijalan dan dijayakan.

Saya harap, usaha-usaha dapat dijalankan bagi membawa lebih banyak lagi kemajuan dan projek-projek pembangunan ke kawasan ini, dari masa ke semasa.

5. Saya sukalah melahirkan setinggi-tinggi penghargaan di atas perpaduan dan kerjasama ahli-ahli UMNO khasnya, dan ahli-ahli parti komponen Barisan Nasional di kawasan ini amnya, yang telah bergerak dan berniat memenuhi hasrat dan kehendak rakyat di sini. Saya berharap, semangat perpaduan dan keharmonian antara kaum dan

masyarakat ini, dapat terus dipelihara dan dikekalkan, bagi mencapai kejayaan yang lebih pesat dan meningkat lagi.

6. Saya bersama-sama merasa bangga, kerana pada hari ini terdapat bukti nyata, yang UMNO Bahagian Sari Gading, akan dapat mempunyai sebuah bangunannya sendiri, sesuai dengan kedudukan kita sebagai parti yang terbesar dan terkuat di dalam Barisan Nasional. Bangunan pejabat UMNO Bahagian Seri Gading yang sedang dibina ini, patutlah

menjadi lambang kemegahan kepada kita. Ia tentu dapat meningkatkan lagi semangat dan menggalakkan kita, bergerak dengan lebih giat dan cergas lagi, menunaikan janji-janji kita kepada rakyat kawasan ini. Bangunan ini, akan menjadi nadi kegiatan UMNO di kawasan ini. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan sebanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan, kepada Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor, iaitu Dato Tan Gri Haji Othman Saat, kerana dengan jasa baiknya, telah dapat menyumbangkan peruntukan yang besar daripada Tabung UMNO Negeri, untuk bangunan UMNO di sini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian
pada tahun ini, saya jangka adalah hangat.
Hangat, kerana disebabkan oleh banyak perkem-
bangan baru berlaku di sekitar masyarakat kita,
khususnya keazaman parti lawan seperti PAS,
untuk menggugat kedudukan kita. Demikian
juga Perhimpunan Agung UMNO

Saya dapat meramalkan suasana hangat, kerana
banyak kegiatan serta keazaman
setengah-setengah pihak, untuk menguji

demokrasi dalam UMNO, Namun demikian, adalah menjadi tradisi kita, dan menjadi amalan kesopanan kita, bahawa di dalam pertubuhan yang besar seperti UMNO, setiap ahli sentiasa dipandu dan dipimpin oleh Perlembagaan Parti serta disini nanti. Inilah landas kekuatan kita di masa lepas, yang mestilah menjadi asas kita bagerak di masa kini dan merancang masa depan parti kita.

8. UMNO / memang sejak pada asalnya, merupakan satu parti politik orang Melayu, yang telah berakar

umbi di kalangan orang Melayu. UMNO telah mendapat sokongan dan sambutan daripada semua peringkat masyarakat Melayu, disebabkan oleh khidmat dan perjuangannya, untuk menegakkan kedaulatan negara dan kedaulatan bangsa Melayu dan ugama islam.

9. UMNO telah dipimpin, dipandu dan dibimbing pada masa-masa yang lepas, oleh pemimpin-pemimpin yang mempunyai semangat dedikasi yang tulin, serta semangat cintakan

bangsa dan taat setia kepada negara.

UMNO bertukar berganti dari masa, ke semasa.

Semenjak lebih suku abad, perjuangan UMNO

adalah berdasarkan kepada lunas tradisi dan

sistem demokrasi. Sebagai sebuah Pertubuhan

Politik yang terbesar dan tertua di tanah air

kita, UMNO dianggotai oleh berbagai peringkat

dan lapisan masyarakat dan keturunan orang

Melayu. UMNO tidak pernah dimonopoli oleh

orang perseorangan atau puak dan gulungan.

Tiada seorang pun, jauh sekali ahlinya sendiri,

yang menyangsikan perjuangan UMNO.

10. Tetapi di saat yang akhir-akhir ini, terdapat segulungan kecil dalam UMNO sendiri membangkitkan persoalan mengenai UMNO, iaitu konsepnya, perjuangannya, tradisinya dan juga kejayaannya. Jika kita meneliti setiap bab dan perenggan Perlembagaan UMNO, serta mengkaji sejarah perjuangan dan perkembangannya, tentu kita dapat memahami segala matalamat perjuangannya dan hasil kejayaannya. Seluruh rakyat telah menikmati faedah dan kesan perjuangan UMNO.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

11. UMNO telah banyak mencatatkan sejarah yang gemilang, dan akan terus menempah sejarah. Tetapi UMNO bukanlah wujud kerana sejarah, bahkan wujud untuk bergiat dan bergerak memperjuangkan nasib masa depan,

kebajikan dan kepentingan orang-orang Meluasnya, dan rakyat Malaysia umumnya. UMNO tetap merancang masa depannya, supaya kemajuan dan kejayaan yang lebih gemilang dan cemerlang, dapat diperolehi. Setiap pemimpin dan ahli, mestilah menunaikan peranan dan kewajipan masing-masing. Tiap-tiap seorang dari kita

yang menjadi ahli, mempunyai tugas dan tanggung-jawab, dan semuanya adalah penting kepada parti.

12. Dalam memperjuangkan cita-cita bangsa, dalam usaha menegakkan kedaulatan bangsa Melayu, serta kedaulatan Ugama, dan berusaha bagi meninggikan taraf hidup rakyat, UMNO sentiasa bergerak berpandukan kepada Perlembagaan Parti, hasrat rakyat dan cita-cita bangsa.

13. Semenjak ditubuhkan sampai ke masa kemerdekaan tanah air, dan hinggalah sekarang ini,

UMNO sentiasa bergerak di atas lunas-lunas demokrasi, meluaskan kegiatan kita di atas dasar yang liberal, dan memberi makna atau pun menginterpretasikan demokrasi secara adil. Kita tidak pernah mempersendakan demokrasi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Demokrasi adalah satu cara bergerak dan cara hidup. Sebaliknya, kebebasan berdemokrasi, tidaklah bererti tidak mengindahkan disiplin, atau pun tidak bersopan santun. Demokrasi memberi hak dan peluang kepada setiap rakyat mengeluarkan fikiran dan cita-citanya.

Tetapi buah pikiran dan cita-citanya itu, terlengkong dalam batas-batas, norma-norma dan garisan undang-undang dan ugama, serta Perlembagaan Parti. Demokrasi membolehkan kita, dalam konteks berparti, untuk dicalun dan menjadi calun, untuk memilih dan dipilih.

15. Dalam hal inilah, saya meminta ahli-ahli UMNO supaya memberikan pertimbangan dan fikiran yang matang, agar demokrasi dalam UMNO ini, tidak dipersendakan; agar demokrasi amalan UMNO ini, dipraktikkan mengikut semangat dan tatasusila yang lazim dijalankan di masa lepas;

agar demokrasi dalam UMNO ini, menjadi warisan yang bakal diteruskan oleh jenerasi yang akan datang; agar demokrasi dalam UMNO ini, menjadi contoh tauladan kepada parti-parti lain, yang sentiasa memandang kepada kita dengan penuh hormat dan penuh pujian.

16. Saya yakin, adalah menjadi tujuan setiap kita, ahli UMNO, menjadikan pertubuhan ini sebuah parti yang terkuat, yang sentiasa menjadi sendi dan nadi kepada negara kita.

Oleh itu, setiap langkah yang kita ambil, baik diperingkat bahagian mahu pun diperingkat

nasional, patutlah sejajar dengan semangat perjuangan parti, supaya kita sentiasa bergerak kehadapan, dan bukannya menqundur kebelakang.

17. Ahli-ahli UMNO mestilah mempunyai fikiranyang benar-benar serius, bagi memperjuangkan cita-cita. rakyat, dan memenuhi aspirasi rakyat. Semestinyalah menjadi harapan kita semua, supaya UMNO wujud kekal abadi, dan diterima baik oleh seluruh masyarakat orang Melayu, dan rakyat Malaysia 'amnya. Oleh itu, setiap ahli UMNO, hendaklah bersama-sama UMNO mengikut sumpah setia, semangat dan amanah

yang telah diletakkan kepada kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

18. Banyak ramalan-ramalan mengenai tarikh pilihanraya telah disiarkan. Bagi parti-parti komponen Barisan pula, ada yang tertanya-tanya samada boleh mendapat tambahan kerusi. Saya telah mengibaratkan pilihanraya sebagai buah durian yang akan gugur, apabila sampai masanya. Tetapi, ada pula yang memberi pandangan, bahawa tidak semestinya menunggu buah durian gugur sendiri, kerana ia boleh

digegar jatuh. Ada pula jenis durian, iaitu durian Siam, yang dipetik buahnya serta di peram sehingga masak. Walaupun apa yang telah dan akan diperkatakan terhadap interpretasi buah durian ini, biarlah kita makan buah durian yang benar-benar masak. Bukannya gugur muda mengkal, atau pun masak diperam.

19. Sungguhpun begitu, ahli-ahli UMNO khasnya, dan ahli-ahli parti anggota Barisan Nasional amnya, mestilah bersedia menghadapi pilihanraya. Ini berertilah bahawa kita mestilah mengemaskan jentera pilihanraya kita, supaya

ia sentiasa teratur, bertenaga dan dapat bergerak pada bila-bila masa jua.

Tuan-tuan dan puan-nuan sekelian.

20. Berbalik kepada masalah setempat,

saya sukacita mendapat tahu bahawa kawasan

Seri Gading ini khasnya, dan Daerah Batu Pahat

amnya, telah pun dapat mengecap nikmat pemba-

ngunan dalam tempoh empat tahun yang lepas.

Ini merupakan permulaan kepada usaha pembangunan

yang lebih besar, yang akan dapat dilaksanakan

secara lebih berkesan di masa yang akan datang.

Pembangunan yang sedang dilaksanakan di kawasan-

kawasan di sekitar daerah ini, perlulah di-
jalankan secara menyeluruh, supaya benar-benar
dapat mengatasi masalah ekonomi dan sosial,
yang sedang dihadapi oleh rakyat di kawasan ini.

21. Kerajaan telah pun melaksanakan
rancangan Johor Barat, yang akan mewujudkan
sistem pengairan yang baik, supaya dapat menam-
bahkan hasil pertanian di kawasan ini. Rancangan
Johor Barat, apabila siap kelak, akan sedikit-
sebanyak dapat mengatasi masalah sosio-ekonomi
rakyat dan penduduk di kawasan tersebut, dan
di kawasan-kawasan sekitarnya, serta memberikan

potensi pembangunan yang lebih besar untuk masa hadapan. Disamping rancangan besar ini, projek-projek kecil yang dapat menambahkan kemudahan-kemudahan kepada rakyat di kawasan ini, akan terus dijalankan.

*yAB. Dato menteri Besar dengan bertimbangrasa
Telah bersetuju memberi bantuan sebanyak
\$400,000 kerana projek-2 di kawasan ini.
Jumlah ini adalah tambahan daripada yg telah dibelinya
22. Memang banyak projek dan rancangan dahulu.*

yang telah dilaksanakan di kawasan ini, dan

juga di daerah-daerah lain di Johor, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman. Jalanraya, bekalan air dan letrik, kelinik desa, dewan orang-ramai dan balairaya, bangunan sekolah dan bilik-bilik darjah baru, mesjid

dan surau. Tidaklah payah saya sebutkan jumlah harganya, atau disenaraikan satu persatunya kampung-kampung yang mendapat nikmatnya.

Para perwakilan dan rakyat sakelian adalah lebih maklum.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

23. Sebagaimana yang telah saya nyatakan, bahawa Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian pada tahun ini, adalah hangat. Dengan kehendak cawangan-cawangan sendiri, ada pula pertandingan dalam pemilihan jawatan Ketua Bahagian. Saya juga memami hasrat perwakilan dari cawangan-

cawangan ini. Tetapi saya berpendapat, biarlah jangan ada pertandingan buat sementara ini. Lebih-lebih lagi menjelang pilihanraya yang lambat-laun akan tiba. Saya berkehendakkan supaya perpaduan di kalangan ahli UMNO Bahagian ini, dapat terus dikekalkan, sapertimana yang telah diwujudkan sejak dahulu lagi, iaitu sebelum saya menjadi Wakil Rakyat di kawasan ini. Inilah nasihat saya, dan saya harap sekalian yang terlibat memahami hakikat yang suci ini.

24. Akhirnya, saya sekali lagi memberikan jaminan bahawa saya cuba dengan sedaya upaya

saya, menyumbangkan tenaga dan fikiran saya, untuk kemajuan daerah ini, demi memelihara perpaduan dikalangan orang Melayu dan juga kaum-kaum yang lain. Saya berharap, rakyat akan sentiasa berpegang teguh kepada konsep Rukun Negara, Bersama-samalah kita membangunkan negara ini, serta membina masyarakat yang maju dan progresif, supaya Malaysia yang telah kita tubuhkan ini, dapat terus wujud dan kekal, dan rakyatnya dapatt terus hidup dalam aman, makmur dan bersatu-padu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

25. Dengan pesanan dan harapan ini, saya dengan sukacitanya, meresmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Seri Gading.

Terima kasih.



No Siri 366
No Penerimaan 29/81